

Jho Low, Faisal 'macai' Najib

Oleh SUWARNI MOKHTAR
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Mahkamah Rayuan semalam diberitahu bahawa ahli perniagaan dalam buruan, Law Taek Jho atau Jho Low dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) SRC International Sdn. Bhd., Nik Faisal Ariff Kamil adalah 'macai' kepada bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Pendakwa Raya ad-hoc, Datuk V. Sithambaram menyatakan demikian ketika menjawab pertanyaan Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Abdul Karim Abdul Jalil berhubung niat bersama.

Menurut pendakwa raya itu, Jho Low dan Nik Faisal hanyalah 'alat' yang ditugaskan untuk memindahkan wang RM42 juta dari akaun SRC International ke akaun peribadi Najib.

"Dengan jawatannya (sebagai Perdana Menteri dan Menteri



NAJIB RAZAK

Kewangan), awak (Najib) ada 'macai' untuk melakukannya (memindahkan wang), tetapi sama ada 'macai-macai' ini tahu mereka sedang melakukan kesalahan, ia tidak pernah dibuktikan," katanya.

Selain itu, tidak masuk akal apabila perayu (Najib) mendakwa bahawa Jho Low telah menyalahgunakan akaunnya dengan memasukkan wang RM42 juta itu ke dalam akaun peribadinya.

"Siapa yang berani memasukkan wang ke dalam akaun PM (Perdana Menteri) semata-mata untuk mengaburi mata PM bahawa dia (Najib) mempunyai wang yang banyak? Macam mana ini semua satu helah? Perayu yang sedang mengaburi mata orang ramai untuk menguburkan kebenaran sebenar," katanya.

Dakwa Najib bahawa beliau tidak mengetahui baki akaun peribadi miliknya juga tidak boleh diterima.

"Sukar untuk dipercayai perayu yang mempunyai akaun dengan baki berjumlah jutaan ringgit tidak mengetahui baki akaunnya.

"Kalau saya ada akaun bank yang ada jutaan ringgit di

dalamnya, saya akan tengok baki akaun itu setiap hari. Kalau tak ada duit, buat apa nak tengok," ujar Sithambaram.

Tambahnya, tindakan Najib mengeluarkan beberapa keping cek bernilai jutaan ringgit juga menunjukkan bahawa Ahli Parlimen Pekan itu tahu baki akaunnya dan mengetahui bahawa Jho Low, Joanna dan Nik Faisal akan memastikan bahawa cek-cek tersebut tidak akan ditendang.

Pendakwa Raya itu berhujah demikian ketika membuat hujahan balas terhadap rayuan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak atas sabitan salah dan hukuman penjara 12 tahun serta denda RM210 juta yang dikenakan terhadapnya oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur selepas didapati bersalah atas tujuh pertuduhan membabitkan penyelewengan dana syarikat SRC International berjumlah RM42 juta.